



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 FEBRUARY 2017

Perlekeh BR1M untuk raih sokongan sekutu- 12/2/2017

KUALA LUMPUR 11Feb. - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berterusan memburuk-burukkan inisiatif kerajaan membantu golongan kurang berkemampuan termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) disifatkan hanya bertujuan meraih sokongan sekutunya dalam pakatan harapan yang diketuai DAP.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, kenyataan bekas Perdana Menteri itu boleh menyebabkan perpecahan dan mengelirukan rakyat terutamanya golongan beliau.

Menurut beliau, aspek kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Barisan Nasional (BN) dan kerajaan sering meletakkan keprihatinan tinggi dalam meringankan beban rakyat.

“Walau bagaimanapun, usaha murni ini sentiasa mendapat kritikan negatif seperti yang didakwa oleh Dr. Mahathir kononnya BR1M adalah rasuah sedangkan ia sangat diperlukan oleh mereka yang memerlukan.

“Kritikan yang keras seperti menggelar penerima bantuan ini pengemis

juga tidak seharusnya dikeluarkan lebih-lebih lagi beliau merupakan bekas Perdana Menteri,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.



IRMOHIZAM

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) ketika berceramah di Kuala Kedah semalam terus mengkritik inisiatif kerajaan membantu golongan kurang berkemampuan termasuk BR1M, Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) serta bantuan sara hidup untuk nelayan.

Beliau bukan sahaja menyifatkan segala bantuan tersebut sebagai rasuah, malah turut menyifatkan penerima-penerimanya sebagai pengemis.

Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemaajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut kesal dengan tindakan Dr. Mahathir menuduh kerajaan BN memanipulasikan bantuan sara hidup nelayan untuk meraih sokongan pengundi.

“Hakikatnya, bantuan ini telah lama dilaksanakan dan bukannya ketika musim pilihan raya umum sahaja,” jelasnya.